

61 *Tahun*

GRAND STRATEGY  
MALAYSIA-CHINA

Mohamad Ikhram Mohamad Ridzuan  
Mohd Ikbal Mohd Huda  
Sity Daud

7.09595  
MOH



# 61 Tahun

## GRAND STRATEGY MALAYSIA-CHINA

**Mohamad Ikhran Mohamad Ridzuan  
Mohd Ikbal Mohd Huda  
Sity Daud**

PUSTAKA PERDANA



1013885



PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI • 2024  
[www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit)



Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024  
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
[www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit)  
e-mel: [penerbit@ukm.edu.my](mailto:penerbit@ukm.edu.my)

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /  
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*  
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD.  
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-486-156-5

327.09595

# Kandungan

---

*Senarai Singkatan ... 7*

*Prakata ... 9*

- BAB 1 Grand Strategy Malaysia terhadap China ... 11
- BAB 2 Dasar Luar Malaysia terhadap China 1957-1989 ... 31
- BAB 3 Dasar Luar Malaysia terhadap China 1989-2003 ... 52
- BAB 4 Dasar Luar Malaysia terhadap China 2003-2018 ... 78
- BAB 5 Kebolehoperasian 61 Tahun Grand Strategy Malaysia ... 104

*Rujukan ... 121*

*Indeks ... 131*



## Senarai Singkatan

---

ACFTA	ASEAN-China Free Trade Area
ACSA	Acquisition and Cross-Servicing Agreement
ADMM	ASEAN Defence Ministers Meeting
AMDA	Anglo-Malayan Defence Agreement
APEC	Asia Pacific Economic Cooperation
APT	ASEAN Plus Three
ARF	ASEAN Regional Forum
ASEAN	Association of South East Asian Nations
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BFSU	Beijing Foreign Studies University (BFSU)
BN	Barisan Nasional
BMF	Bumiputra Malaysia Finance Limited
CCP	Chinese Community Party
CMI	Chiang Mai Initiative
CNOC	China's National Oil Company
DoC	Declaration on the Conduct of Parties
EAMF	Expanded ASEAN Maritime Forum
EAEC	East Asian Economic Caucus
EAEG	East Asian Economic Grouping
EAS	East Asia Summit
EC	European Community
ECAFE	United Nations Economic Commission for Asia and Far East (ECAFE)
FDI	Foreign Direct Investment
FPDA	Five Power Defence Arrangements
GLCs	Government-Linked Companies
IMF	International Monetary Fund

ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JETRO	Japan External Trade Organization
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MCBC	Malaysia-China Business Council
MFN	Most Favored Nation
MIC	Malaysian Indian Congress
NAFTA	North American Free Trade Agreement
NAM	Non-Aligned Movement
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PERNAS	Perbadanan Nasional Berhad
PKC	Parti Komunis China
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PLA	People's Liberation Army
PPCM	Persatuan Persahabatan China-Malaysia
PPMC	Persatuan Persahabatan Malaysia-China
QIP	China-Malaysia Qinzhou Industrial Park
RRC	Republik Rakyat China
SCO	Shanghai Cooperation Organization
SEANWFZ	Southeast Asian Nuclear Weapons Free Zone
SEARCCT	Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism
SLD	Shangri-La Dialogue
TAC	Treaty of Amity and Cooperation
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TPP	Trans-Pacific Partnership
WTO	World Trade Organisation
ZOPFAN	Zone of Peace, Freedom and Neutrality

## Prakata

---

Orientasi Grand Strategy Malaysia dengan China dari tahun 1957 sehingga tahun 2018 telah memperlihatkan perubahan hubungan antara dua negara tersebut. Dahulunya negara Malaysia dan China saling bermusuhan, dan kini Kuala Lumpur telah menjadi rakan diplomatik yang dipercayai Beijing. Tujuan buku ini menganalisis secara komprehensif hubungan antara kuasa-kuasa besar dan tindakan mereka terhadap dasar Malaysia; kepentingan dan keperluan faktor domestik; persepsi serta perhitungan elit pemerintah dalam menilai risiko; dan peluang melalui penstrukturan dasar luar Malaysia terhadap China.

Buku ini dibahagikan kepada lima bab iaitu bab pertama menghujahkan latar belakang hubungan diplomasi dan Grand Strategy antara Malaysia dengan China. Intipati buku pula membincangkan tindakan dasar luar Malaysia terhadap China iaitu ketika era kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga tahun 2018 iaitu tempoh terakhir kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Abdul Razak iaitu Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Bab terakhir iaitu bab kelima menilai kebolehooperasian ruangan dasar dan Grand Strategy Malaysia terhadap China hasil daripada dasar pragmatik yang bersifat kondusif, inklusif, selektif dan akumulatif sehingga menjadi antara negara di rantau Asia Tenggara yang paling banyak menikmati manfaat melalui hubungan diplomatik dengan China.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada geran penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Fundamental Research Scheme (FRGS/1/2023/SS08UMS/02/2) dan Dana Penerbitan Buku (DBP) iaitu DBP-2024-039 dalam membiayai penyelidikan dan penerbitan buku ini.

*Mohamad Ikhran Mohamad Ridzuan*

*Mohd Iqbal Mohd Huda*

*Sity Daud*



## Bab 1

---

# Grand Strategy Malaysia terhadap China

## Pengenalan

Hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China yang bermula dari tahun 1957 telah membuktikan berlaku evolusi ruang dasar luar Kuala Lumpur terhadap Beijing. Malaysia merupakan sebuah negara di rantau Asia Tenggara yang menjalinkan hubungan paling mesra dengan China berbanding dengan negara-negara jiran yang lain (Kuik 2018: 189). Umumnya, dasar luar Malaysia terhadap China ketika era Perang Dingin ialah bersifat anti China dan anti komunis kerana dipengaruhi oleh perubahan dan percaturan dalam struktur antarabangsa. Perang Dingin telah mewujudkan sebuah sistem bipolar yang terdiri daripada dua blok utama iaitu blok demokrasi yang diketuai oleh Amerika Syarikat dan blok komunis dimonopoli Kesatuan Soviet. Kedua-dua buah kuasa hegemoni tersebut saling mengimbangi kekuatan satu sama lain dan memperluaskan pengaruh masing-masing untuk menjadi kuasa tunggal dalam sistem politik antarabangsa.

Malaysia juga tidak terlepas daripada impak Perang Dingin yang berlaku ketika itu. Malaysia yang baharu sahaja bebas daripada cengkaman penjajah telah mengambil pendekatan dengan menyokong paksi demokrasi dan menolak sebarang hubungan dengan negara-negara yang berideologi komunis (Azizan 1990: 234). Tunku Abdul Rahman mengaplikasikan dasar condong ke arah Barat kerana kebergantungan kepada *Anglo Malayan Defence Agreement* (AMDA). Ini disebabkan Malaysia tidak mempunyai kelengkapan dan kecanggihan senjata yang mencukupi dalam menghadapi sebarang ancaman daripada luar mahupun dalam. Malaysia juga bergantung kepada kuasa-kuasa barat dalam aspek ekonomi kerana Amerika Syarikat, Britain dan Australia merupakan rakan dagang terpenting kepada komoditi utama getah dan bijih timah. Kedua-dua faktor tersebut merupakan antara faktor penolak yang

mempengaruhi dasar luar Malaysia untuk bersekutu dan berpaksikan Barat. Sebagai tanda sokongan terhadap kuasa-kuasa Barat, dasar luar Malaysia telah dibentuk untuk tidak menjalinkan sebarang hubungan dengan negara-negara berideologi komunis seperti China.

Orientasi dasar luar Malaysia bukan sahaja anti komunis tetapi juga bersifat anti-China kerana sokongan China terhadap Indonesia dalam Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dan usaha China membantu Vietnam ketika Perang Vietnam pada tahun 1950 sehingga tahun 1975. China telah memberikan bantuan kewangan kepada Mao Zedong sebanyak 320 juta yuan dan menghantar seramai 320 ribu orang tentera ke Peperangan Vietnam. 270 ribu senapang dan 2 juta jenis peluru juga telah disalurkan kepada Vietnam (Ruhanas 2008: 146). Rentetan peperangan tersebut, Tunku amat bimbang jika China berinisiatif untuk membantu Parti Komunis Malaya (PKM) kerana China adalah penyokong kuat terhadap gerakan insurgensi parti tersebut. Sekiranya senjata-senjata sampai ke tangan PKM yang sedang bergiat aktif di Tanah Melayu ketika itu, sudah pasti memberikan impak negatif terhadap keselamatan negara.

Tindakan China telah meningkatkan persepsi negatif, syak wasangka dan kebimbangan Malaysia terhadap kuasa besar tersebut kerana mengancam keselamatan nasional. Sokongan dan bantuan China kepada Indonesia dan Vietnam telah menunjukkan China optimistik untuk mengimbangi kuasa-kuasa Barat dan memastikan kelangsungan negara-negara komunis. Situasi tersebut juga menunjukkan bahawa China ingin menjadi ketua kepada negara-negara komunis di rantau Asia Tenggara dan atas faktor-faktor tersebut menyebabkan Malaysia tidak percaya kepada China.

Di peringkat politik antarabangsa, China begitu aktif dalam memberikan bantuan dan sokongan kepada parti-parti sosialis di Asia Tenggara. Hal ini dapat dibuktikan apabila China secara agresif, aktif dan konsisten membantu parti-parti komunis menentang kerajaan demokrasi seperti Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand (Wibowo 2010: 209). Pada masa yang sama, faktor dasar China mengenai masyarakat China di perantauan telah menyebabkan Malaysia secara terbukanya menyatakan China sebagai ancaman terbesar kepada keselamatan nasionalnya. Dasar masyarakat China di perantauan merupakan pendekatan strategik yang diambil oleh Kerajaan China dalam melibatkan dan memanfaatkan diaspora Cina di seluruh dunia dikenali sebagai masyarakat *Overseas Chinese* atau *Huáqíáo*.

Antara ciri-ciri dalam dasar ini ialah hubungan kebudayaan dan identiti, di mana China berusaha untuk mengekalkan hubungan budaya dan identiti etnik dengan diaspora Cina melalui promosi bahasa, budaya, dan warisan Cina. Hal ini termasuk program pendidikan, kursus bahasa Cina dan pelbagai acara budaya yang disokong oleh kerajaan China untuk mengukuhkan keterikatan dengan leluhur mereka. Ciri yang kedua, kerajaan China menggalakkan masyarakat Cina di perantauan untuk melabur di China dan menyokong pembangunan ekonomi negara tersebut. Pelaburan, perdagangan dan sokongan kewangan daripada diaspora merupakan aset penting dalam pembangunan ekonomi China. Dasar ini turut merangkumi galakan kepada usahawan Cina di perantauan untuk terlibat dalam projek-projek pembangunan di China. Seterusnya ialah pengaruh diplomatik dan politik iaitu China menggunakan diaspora Cina sebagai saluran diplomatik untuk mempromosikan kepentingan China di luar negara. Diaspora ini merupakan pelobi atau penghubung antara kerajaan China dengan kerajaan negara-negara lain. Mereka juga berperanan dalam memperkuat kedudukan China dalam isu-isu antarabangsa termasuk melalui sokongan politik di negara-negara tempat mereka tinggal. Ciri yang terakhir adalah program kepulangan. Dalam program ini, kerajaan China menggalakkan diaspora untuk kembali ke China atau menyumbang kepada pembangunan negara melalui program-program seperti insentif untuk pelaburan, peluang pekerjaan dan sokongan dalam memulakan perniagaan di China.

Rentetan dasar ini telah membimbangkan Malaysia kerana, yang pertama ialah pengaruh ekonomi. China telah menggunakan masyarakat China di perantauan sebagai alat untuk memperluas pengaruh ekonominya. Melalui pelaburan dan perdagangan, China berusaha mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negara-negara yang mempunyai populasi masyarakat Cina yang signifikan termasuk Malaysia. Ini boleh menimbulkan kebimbangan tentang pengaruh ekonomi yang telah didominasi oleh China yang mungkin mengganggu kedaulatan ekonomi Malaysia. Seterusnya ialah pengaruh politik. Terdapat kebimbangan bahawa China mungkin menggunakan diaspora Cina untuk mempengaruhi politik dalaman negara-negara seperti Malaysia. Hal ini termasuk usaha lobi atau sebaran pengaruh dalam keputusan dasar yang berkaitan dengan hubungan Malaysia-China. Kewujudan diaspora yang besar berpotensi untuk menjadi saluran bagi China menyuarakan kepentingannya yang mungkin bercanggah dengan kepentingan nasional Malaysia.

Selain itu ialah isu keselamatan, kerana masyarakat China di perantauan kadangkala dilihat sebagai jambatan untuk kepentingan strategik China sehingga boleh membawa kepada isu keselamatan. Antara sebabnya adalah propaganda dan penyebaran ideologi komunis yang mampu menjejaskan kestabilan dan keamanan negara. Hubungan etnik dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan Malaysia berasa bimbang dengan dasar masyarakat China di perantauan. Hal ini kerana pengaruh China yang semakin meningkat melalui masyarakat Cina di perantauan juga boleh memperburuk ketegangan etnik di Malaysia. Isu hubungan antara kaum merupakan isu yang sensitif dan pengaruh luar negara dirasakan terlalu kuat sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan komuniti bukan Cina dan menjejaskan keharmonian etnik.

Walau bagaimanapun, dasar luar Malaysia terhadap China mula berubah daripada saling bermusuhan kepada hubungan normalisasi apabila Tun Abdul Razak Hussein menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Pada 31 Mei 1974, secara rasminya kedua-dua buah negara membuka pintu diplomatik dan buat pertama kali berlakunya kerjasama bilateral. Antara faktor pintu diplomasi dibuka adalah disebabkan perubahan yang berlaku dalam sistem politik antarabangsa apabila Amerika Syarikat secara rasmi mengadakan hubungan normalisasi dengan China pada tahun 1971. Walaupun yang demikian, Parti Komunis Malaya (PKM) masih lagi mengancam keamanan negara. China juga secara konsisten mengadakan hubungan dengan gerakan pengganas tersebut walaupun telah berjanji untuk menghentikan sebarang bentuk sokongan dan bantuan kepada PKM.

Selepas berakhirnya Perang Dingin pada akhir tahun 1989, berlakunya perubahan di peringkat domestik kerana telah menyaksikan penyerahan senjata oleh PKM dan terhentinya propaganda China terhadap Malaysia. Peristiwa tersebut telah meningkatkan kerjasama bilateral melalui skop yang lebih luas seperti dalam sektor perdagangan, pelaburan, pendidikan, sosial budaya dan politik antarabangsa yang tidak pernah berlaku semasa era Perang Dingin. Hal ini dapat dibuktikan melalui sokongan China terhadap Malaysia melalui pembentukan *East Asian Economic Group* (EAEG) dan *East Asian Economic Caucus* (EAEC) dalam menyekat pengaruh barat di rantau ini melalui *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC), *European Community* (EC) dan *North American Free Trade Agreement* (NAFTA).

Dr. Mahathir Mohamad telah meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dunia politik terhadap China apabila kuasa besar tersebut membantu Malaysia ketika Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997. Selain itu, China juga telah menyokong Mahathir semasa krisis politik antara beliau dengan Anwar Ibrahim iaitu Timbalan Perdana Menteri ketika itu. Mahathir menghargai tindakan dan sokongan yang dilakukan oleh China kerana ketika itu beliau telah mendapat tekanan yang tinggi di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Antara tekanan tersebut ialah perpecahan dalam UMNO dan campur tangan Amerika Syarikat, yang ada dibincangkan dengan lebih mendalam bab ketiga. Rentetan daripada peristiwa tersebut, Mahathir telah membawa China dalam mesyuarat dan aktiviti ASEAN seperti *ASEAN-China Free Trade Area (ACFTA)* dan *Southeast Asian Nuclear Weapons Free Zone (SEANWFZ)*. Penyertaan China dalam ASEAN bukan sahaja membaiki imej dan hubungan China dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara tetapi turut merencanakan lagi kerjasama bilateral. Hasil usaha Mahathir telah menjadikan Malaysia sebagai rakan strategik di peringkat antarabangsa, rantau dan domestik. Jika dilihat dalam aspek ekonomi berlaku tidak keseimbangan perdagangan di mana China mendapat keuntungan lebih berbanding Malaysia. Namun begitu Mahathir menyifatkan ia adalah cabaran buat Malaysia supaya lebih berdaya saing dan kompetitif dalam pasaran global.

Setelah konflik di IndoChina berjaya diselesaikan, isu di Laut China Selatan pula mula berbangkit. Sejak era Perang Dingin, China telah melakukan sebanyak 89 kali pencerobohan ke atas perairan negara. Hal ini dapat dilihat pada tahun 2011 apabila *People's Liberation Army Navy (PLAN)*, *Chinese Coast Guard (CCG)* dan nelayan-nelayan negara tersebut telah mencerobohi wilayah dan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Pada tahun 2013 sekali lagi China telah mencerobohi wilayah dan perairan Malaysia di Beting Serupai, Beting Patinggi Ali dan Beting Raja Jarom.

Pada bulan Julai 2016, China telah menolak keputusan *Permanent Court of Arbitration (PCA)* yang menyatakan China tiada hak untuk menuntut kepulauan di Laut China Selatan dengan menggunakan faktor sejarah. Sejak daripada krisis tersebut China secara agresif memperluaskan dan memperhebatkan ketenteraan lautnya dengan merencanakan aktiviti berkaitan lautan dan pencerobohan di perairan tersebut. Pada 17 April tahun 2020, China telah melanggar Undang-Undang Laut (UNCLOS)

dengan memberikan nama kepada 80 buah pulau, terumbu, dasar laut, beting dan rabung. 55 daripada tuntutan tersebut juga termasuk lautan zon EEZ, dan ini telah menyebabkan Malaysia membantah tindakan tersebut. China juga telah mencero bohi dan mengganggu aktiviti penggalian minyak dan gas oleh Kapal Ekplorasi dan Penggalian Petronas di perairan negara. Di peringkat domestik pula China secara terbuka telah mengkritik dasar kerajaan Malaysia yang dimonopoli oleh kaum Melayu sebagai rasis dan diskriminasi. Dalam aspek ekonomi, Malaysia telah mengalami defisit perdagangan kerana berlaku penurunan Pelaburan Langsung Asing (FDI). Tindakan dan kelakuan China telah memberikan impak yang besar kepada keselamatan nasional, kedaulatan dan kelangsungan pemerintah.

Ironinya, isu-isu sensitif seperti PKM, tuntutan bertindih di Laut China Selatan, tidak seimbangan perdagangan dan campur tangan China di peringkat politik domestik tidak mengganggu hubungan baik diplomatik kedua-dua buah negara. Di era Mahathir, Abdullah dan Najib, perdana-perdana menteri tersebut secara konsisten menolak teori ancaman China sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Malahan, terus memperkukuhkan hubungan dengan kuasa besar tersebut dalam aspek pelaburan, perdagangan mahupun strategi dan keselamatan. Hasilnya, pelbagai projek mega telah ditandatangani antara kedua-dua buah negara seperti *East Cost Railway* yang bernilai AS\$ 13 bilion, *Malaca Gateway* sebanyak AS\$10 bilion, dan *Malaysia-China Kuantan Industrial Park* berjumlah AS\$ 395 juta. Dalam aspek strategik dan keselamatan, kedua-dua buah negara telah menandatangani *Memorandum of Understanding on Bilateral Defence Cooperation* dan *Comprehensive Strategic Partnership*. Buat pertama kali, kedua-dua negara mengadakan latihan ketenteraan bersama melalui program *Security Defence and Strategic Consultation*.

Ringkasannya, evolusi perubahan dasar luar Malaysia terhadap China mula diusahakan oleh Perdana Menteri Tun Hussein Onn dan dikukuhkan oleh Mahathir Mohammad. Momentum tersebut diteruskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dan seterusnya oleh Dato' Seri Najib Abdul Razak yang berusaha untuk meneruskan dan mengukuhkan hubungan Malaysia dengan China sama ada melalui peringkat bilateral, serantau mahupun struktur antrabangsa.

Walaupun persepsi ancaman dilihat masih wujud berdasarkan faktor serta pengaruh luaran, Malaysia telah berjaya menjalinkan hubungan yang erat dengan China dan mengukuhkan kestabilan negara dengan kerjasama

yang dilaksanakan. Malaysia telah mencatat sejarah sebagai negara yang pertama di rantau Asia Tenggara, dan negara kedua di rantau Asia selepas Jepun menjalinkan hubungan normalisasi dan diplomasi dengan China (Rose & Sykora 2017: 3). Hal ini adalah disebabkan kejayaan ruangan dasar dan tindakan Grand Strategy Malaysia terhadap China dari era kemerdekaan hingga dewasa ini.

## Konsep Grand Strategy

Grand Strategy merupakan sebuah rancangan dasar nasional yang diimplementasikan oleh sesebuah negara untuk mencapai sesuatu matlamat dan objektif. Dasar nasional pula terdiri daripada ketenteraan, ekonomi, politik dan alam sekitar (Dennis & Donald 2006: 13). Grand Strategy diaplikasikan oleh semua negara tidak kira kuasa besar mahupun negara kecil kerana mempunyai sumber ancaman dan matlamat yang berbeza. Kelangsungan kuasa besar adalah mengekalkan atau berusaha untuk mencapai status sebagai kuasa hegemoni (Ripsman 2019: 132). Sebaliknya bagi negara kecil, fokus utama mereka lebih kepada pembangunan ekonomi, isu-isu alam sekitar, dan polemik kesihatan, berbanding isu ketenteraan. Thorhallson dan Steinsson (2017: 3) berhujah bahawa negara kecil ialah sebuah negara yang mempunyai bilangan populasi yang kurang daripada 30 juta orang (Thorhallson & Steinsson 2017: 3). Long (2017: 186-188) pula menyatakan negara kecil mempunyai sumber yang terhad daripada segi ekonomi, ketenteraan mahupun pengaruh di peringkat politik antarabangsa.

Konsep Grand Strategy berkembang dan digunakan sejak berakhirnya Perang Dingin tahun 1990 kerana kegagalan realisme dalam menerangkan perubahan yang berlaku di arena politik antarabangsa (Mastanduno & Kapstein 1999). Pada awalnya pengenalan Grand Strategy, beberapa sarjana berpendapat bahawa hanya negara yang kuat dari segi ketenteraan, ekonomi dan politik sahaja yang mempunyai Grand Strategy. Menurut Ion (2013) dan Ripsman (2019), Grand Strategy ialah satu bentuk dasar yang bertujuan untuk mengawal masa depan dunia dengan memaksimumkan *hard power* dan *soft power* dengan memaksa mana-mana negara lain mencontohi sistem dan budaya negara tersebut. Sekiranya sebuah negara mempunyai Grand Strategy tetapi tidak mencapai status kuasa besar adalah sesuatu yang mustahil (Ion 2013: 397). Hujahan tersebut ingin menyatakan hanya kuasa-kuasa besar sahaja mempunyai Grand Strategy.

# 61 Tahun GRAND STRATEGY MALAYSIA-CHINA

61 Tahun: Grand Strategy Malaysia terhadap China menelusuri lebih enam dekad hubungan diplomatik, ekonomi, dan strategik antara Malaysia dan China. Bermula dari pengiktirafan bersejarah Malaysia terhadap Republik Rakyat China pada tahun 1974, buku ini mengupas setiap era pentadbiran Perdana Menteri Malaysia, dari era Tunku Abdul Rahman sehingga era Najib Abdul Razak, dan bagaimana kebolehan operasi dasar serta grand strategy telah membentuk hala tuju hubungan diplomasi antara kedua-dua buah negara. Menggabungkan analisis yang mendalam, wawancara dengan tokoh-tokoh penting, dan kajian kes yang komprehensif, buku ini menyoroti aspek ekonomi, keselamatan dan geopolitik yang mempengaruhi pembentukan grand strategy Malaysia. Dari kerjasama ekonomi melalui Belt and Road Initiative sehingga isu tuntutan di Laut China Selatan, buku ini merungkai bagaimana Malaysia menguruskan hubungan dengan kuasa besar serantau dalam konteks yang dinamik berdasarkan tiga fokus utama iaitu aspek hubungan antarabangsa, domestik dan individu. 61 Tahun: Grand Strategy Malaysia terhadap China adalah rujukan penting untuk memahami sejarah, evolusi, ruang dasar dan masa depan hubungan diplomasi Malaysia-China.

MOHAMAD IKHRAM MOHAMAD RIDZUAN, PhD merupakan Pensyarah Kanan di Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). MOHD IKBAL MOHD HUDA, PhD merupakan Pensyarah Kanan, Program Analisis Strategi Dan Keselamatan, Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). SITY DAUD adalah Profesor, Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal-Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



[www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit)

